

05 JUL 2002
Mahathir-Najib
DR MAHATHIR CUMA BAYANGKAN NAJIB JADI TPM

JITRA, 5 Julai (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata beliau cuma membayangkan kemungkinan bahawa Datuk Seri Najib Tun Razak boleh menjadi Timbalan Perdana Menteri apabila beliau berundur dari kerajaan kelak.

Dr Mahathir berkata terserahlah kepada Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi yang bakal menjadi Perdana Menteri kelak untuk memilih siapa timbalannya.

Perdana Menteri berkata demikian ketika menjawab soalan para pemberita pada sidang media selepas meletakkan batu asas Kompleks Pentadbiran Daerah Kubang Pasu di Batu 13, Jalan Changlun, dekat sini hari ini.

Ditanya sama ada beliau mengiktiraf Najib sebagai Timbalan Perdana Menteri, Dr Mahathir berkata: "Let say I have no objection". (Katakan saja saya tiada bantahan).

Ditanya sama ada beliau akan memaklumkan perkara itu kepada para anggota Umno yang lain, Dr Mahathir berkata: "I'm telling you now." (Saya memberitahu anda sekarang).

Kelmarin semasa berucap pada majlis perjumpaan dengan Jawatankuasa Umno Bahagian Kubang Pasu di pejabatnya di Putrajaya, Dr Mahathir menyebut Menteri Pertahanan dan naib presiden Umno Datuk Seri Najib Tun Razak mungkin akan dilantik sebagai Timbalan Perdana Menteri.

Semasa perjumpaan itu Dr Mahathir telah berkata: "Sebenarnya kalau saya tak jadi Perdana Menteri, hari ini Pak Lah (Abdullah) jadi Perdana Menteri dan mungkin Najib jadi Timbalan Perdana Menteri, tetapi mereka sanggup tunggu selama 16 bulan untuk mendapat jawatan itu."

Ditanya bagaimana penerimaan naib-naib presiden yang lain terhadap pengiktirafan terbuka itu, Dr Mahathir berkata: "Saya tidak tahu siapa yang akan dipilih sebagai timbalan, sama ada Najib atau orang lain tetapi mereka telah berjanji bahawa mereka tidak akan memburuk-burukkan dan cuba menjatuhkan satu sama lain."

Dr Mahathir juga berkata terpulang kepada Abdullah untuk membentuk barisan kerajaannya apabila menjadi Perdana Menteri kelak.

Beliau berkata dalam sistem Umno apabila seseorang presiden berundur, penggantinya akan menjadi pemangku presiden dan dalam kerajaan pula, apabila Perdana Menteri berundur, orang yang memimpin parti terbesar dalam kerajaan akan menjadi Perdana Menteri.

Dr Mahathir berkata sesiapa yang dipilih oleh Abdullah menjadi timbalan perdana menteri biasanya akan memangku jawatan timbalan presiden Umno.

"Itu yang berlaku pada saya dan saya yakin tradisi itu akan berterusan," katanya.

Menjawab soalan lain, Dr Mahathir berkata beliau tidak tahu siapa yang akan menerajui Barisan Nasional (BN) pada pilihan raya umum akan datang tetapi memberi jaminan akan terus bekerja untuk memastikan BN menang cemerlang pada pilihan raya umum itu.

Mengenai calon pilihan raya kecil kerusi Dewan Undangan Negeri (DUN) Anak Bukit dan Parlimen Pendang, Perdana Menteri berkata beliau sudah melihat senarai cadangan calon yang akan bertanding mewakili BN pada pilihan raya kecil yang akan diadakan pada 18 Julai.

Keputusan mengenainya (siapa calon BN) akan dibuat kemudian," katanya.

Perdana Menteri berharap BN akan meneruskan berkempen bagi kedua-dua pilihan raya kecil itu secara sopan dan mengikut budayanya.

"Kita tak nak maki orang, mencarut, dan panggil dengan nama yang tidak elok," katanya.

Mengenai lawatannya ke Thailand selama dua hari mulai hari ini, Perdana Menteri berkata ia antara lain bertujuan merapatkan hubungan dua hala kedua-dua negara.

Beliau berkata antara perkara yang akan dibincangkan pada lawatan itu ialah projek pembangunan gas secara bersama di sana dan pembangunan di kawasan segitiga Indonesia-Malaysia-Thailand.

-- BERNAMA

JM MSL HS RHM